



**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI •  
CENTRE FOR RESEARCH AND INSTRUMENTATION MANAGEMENT**

Rujukan: UKM.PPI.100-1/3/2

Tarikh : 2 September 2020

PEKELILING CRIM BIL. 12/2020

DEKAN/PENGARAH  
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**HEBAHAN/PEMAKLUMAN PEMBUKAAN PERMOHONAN PROGRAM KONSORTIUM  
KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN (KKP) 2020**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sehubungan dengan ini adalah dimaklumkan bahawa pihak CRIM telah menerima surat hebahan daripada Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia bertarikh 26 Ogos 2020 mengenai pembukaan permohonan Program Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan (KKP) Tahun 2020. Program KKP ini adalah program baharu yang dilaksanakan oleh KPT bagi menggalakkan penyelidikan bidang nic melalui gabungan kerjasama antara kumpulan penyelidik IPT. KKP merupakan gabungan kumpulan penyelidik dari Pusat Kecemerlangan (CoE) di IPT dengan kumpulan penyelidik di CoE lain dan/atau kumpulan penyelidik (berbeza IPT) yang sama bidang kepakaran bagi menghasilkan kerangka kerja yang diharapkan dapat menyelesaikan masalah nasional.

3. Justeru, sukacita pihak CRIM memanjangkan surat daripada KPT ini yang jelas maksudnya untuk perhatian dan tindakan selanjutnya oleh pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan. Sebagai makluman kepada semua PTJ, **permohonan ini dibuka mulai 4 September 2020 hingga 30 September 2020 berdasarkan lapan (8) bidang keutamaan seperti berikut:**

- i. Pengangkutan dan Mobiliti
- ii. Kepintaran Buatn
- iii. 4 Revolusi Industri
- iv. Pengajaran dan Pembelajaran
- v. Industri Kreatif
- vi. Pembelajaran Digital
- vii. *Future Food*
- viii. Daya Saing Ekonomi

4. Sebagai makluman kepada pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, Borang permohonan dan Garis Panduan KKP boleh dimuat turun bermula 4 September 2020 daripada laman sesawang KPT iaitu, <http://www.mohe.gov.my>. **Perincian mengenai prosedur permohonan sila rujuk surat KPT seperti yang dilampirkan. Sukacita jasa baik pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dimohon agar dapat memanjangkan hebahan ini kepada semua kakitangan akademik/penyelidik di Fakulti/Institut/Pusat masing-masing.**



CERTIFIED TO MS ISO 9001 2015

Cert No. QMS 02549

**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3095 Faks: +603-8925 4550 Emel: [drmc@ukm.edu.my](mailto:drmc@ukm.edu.my) Web: <http://research.ukm.my>







**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI •  
CENTRE FOR RESEARCH AND INSTRUMENTATION MANAGEMENT**

5. Sukacita dimaklumkan bahawa semua permohonan ini akan diselaraskan di peringkat CRIM, di bawah portfolio Timbalan Pengarah (Infrastruktur & Instrumentasi). Semua permohonan perlu dikemukakan kepada Timbalan Pengarah (Infrastruktur dan Instrumentasi) **sebelum 23 September 2020** bagi tujuan semakan dan penyetaraan sebelum ianya dikemukakan oleh CRIM kepada KPT.

6. Sebarang pertanyaan mengenai permohonan ini, pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh berhubung terus dengan Prof. Madya Ts. Dr. Lee Khai Ern, Timbalan Pengarah (Infrastruktur & Instrumentasi), dan pihak sekretariat di Makmal i-CRIM, Puan Norzamzurina Binti Ismail, Pegawai Sains C44 di talian 03-89118506 ([norzamzurina@ukm.edu.my](mailto:norzamzurina@ukm.edu.my)). Sekian dulu untuk perhatian dan tindakan selanjutnya oleh pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan. Kerjasama semua dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

**PROF. DR. ISMANIZAN ISMAIL**  
Pengarah  
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi

Berlampir

s.k

- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UKM
- Timbalan Pengarah (Infrastruktur & Instrumentasi), CRIM, UKM



**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3095 Faks: +603-8925 4550 Emel: [drmc@ukm.edu.my](mailto:drmc@ukm.edu.my) Web: <http://research.ukm.my>

